

NO. SOALAN: 47

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN RAMKARPAL SINGH A/L
KARPAL SINGH [BUKIT GELUGOR]**

TARIKH : 1APRIL 2015

RUJUKAN : 7600

SOALAN:

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah usaha-usaha yang dicadangkan oleh Kerajaan untuk menangani isu perkauman (*racism*) yang semakin ketara sejak akhir-akhir ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan memandang serius berhubung sebarang tindakan yang dilakukan oleh mana-mana individu, kumpulan mahupun pertubuhan yang bertindak mengeluarkan sebarang kenyataan yang menyentuh sensitiviti sesuatu kaum atau agama sehingga boleh mencetuskan ketegangan serta perbalahan tanpa mengambil kira sensitiviti rakyat negara ini. Dalam hubungan ini, Kementerian Dalam Negeri melalui Polis DiRaja Malaysia (PDRM) telahpun mengambil tindakan secara berterusan bagi mengekang isu perkauman ini berdasarkan tiga (3) pendekatan iaitu:

- i. melalui penguatkuasaan undang-undang termasuklah mengambil tindakan di bawah Akta Hasutan 1948 disamping undang-undang lain yang berkaitan;**
- ii. menjalankan kerjasama dengan NGO-NGO serta pemimpin-pemimpin tempatan untuk membentuk perhubungan yang baik dan persefahaman antara setiap pihak agar saling menghormati diantara kaum dan agama di dalam masyarakat majmuk di negara ini; dan**
- iii. menjalankan aktiviti-aktiviti kempen kesedaran dan ceramah-ceramah berhubung keselamatan dan**

ketenteraman awam untuk menerangkan tentang bahayanya jika terlibat dengan kegiatan mencetuskan ketegangan dan perbalahan antara kaum dan agama.

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa yang sama, Kerajaan telah menyatakan pendirian untuk mengekalkan Akta Hasutan 1948 dengan beberapa pindaan. Sehubungan itu, Kementerian Dalam Negeri, Jabatan Peguam Negara, Polis DiRaja Malaysia dan Agensi-agensi Kerajaan yang lain telah membuat kajian penambahbaikan terhadap Akta Hasutan 1948 tersebut. Pindaan kepada Akta Hasutan 1948 akan dibentangkan di sesi persidangan Dewan Rakyat akan datang.

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. DATUK AHMAD JAZLAN BIN YAAKUB
KAWASAN : MACHANG
TARIKH : 1 APRIL 2015, RABU

SOALAN:

YB. DATUK AHMAD JAZLAN BIN YAAKUB (MACHANG) minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan:

- (a) sehingga kini berapa fasakah yang sudah ditender untuk pembinaan Lebuh Raya Kota Bharu-Kuala Krai; dan
- (b) bilakah jangkaan ia akan siap sepenuhnya dan dibuka kepada penggunaan orang awam.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah memutuskan pelaksanaan projek membina dan menaik taraf Jalan Kota Bharu – Kuala Krai dibuat secara berperingkat kerana ia melibatkan kos yang tinggi, iaitu dianggarkan sebanyak RM2 bilion. Pada masa kini Kerajaan telah meluluskan 2 fasa pembinaan untuk projek membina Jalan Kota Bharu – Kuala Krai ini, iaitu seperti berikut:

1. Fasa 1 (Pakej 1B): Pasir Hor – Kadok:

Projek ini telah dimulakan pada bulan April 2014 dan dijangka siap pada bulan April 2017 (36 bulan). Harga kontrak semasa ialah sebanyak RM168.4 juta.

2. Fasa 2 (Pakej 2A): Kadok – Ketereh:

Projek ini dijangka akan dimulakan pada bulan April 2015 dan dijangka siap pada bulan April 2018 (36 bulan). Harga kontrak semasa ialah sebanyak RM136.6 juta.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pakej seterusnya bagi melengkapkan jajaran dari Kota Bahru ke Machang kini sedang dalam peringkat penyediaan reka bentuk dan akan dimulakan pembinaan sebaik sahaja siap pakej 1B, iaitu dijangka pada bulan April 2017. Manakala baki jajaran Jalan Kota Bharu – Kuala Krai yang lain akan dipohon dan dilaksanakan secara berfasa dalam tempoh RMKe-11 (2016 – 2020), tertakluk kepada kelulusan peruntukan daripada Agensi Pusat.

Sekian. Terima kasih.